Kilang Papan Serpai & Papan Serpih/ <i>Chipboard & Particleboard Mill</i>	18
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF)/ <i>Medium Density Fibreboard (MDF) Mill</i>	10

VIII. SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

Sumbangan Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak RM8.92 bilion atau 1.2% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia sebanyak RM765.97 bilion dalam tahun 2010.

VIII. SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

Contribution to Gross Domestic Product (GDP)

The forestry sector contributed RM8.92 billion or 1.2% to Malaysia's Gross Domestic Product of RM765.97 billion in 2010.

Perdagangan Produk Kayu-Kayan

Pada tahun ini, jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia telah meningkat sebanyak 4.6% kepada RM20.35 bilion berbanding tahun 2009 (RM19.41 bilion). Ianya merupakan 3.2% dari jumlah hasil eksport kasar iaitu f.o.b RM639.43 bilion.

Timber Products Trade

Total export earnings from Malaysian timber products in 2010 increased by 4.6% to RM20.35 billion as compared to 2009 (RM19.41 billion). This accounted for 3.2% of the total gross export earnings at f.o.b RM639.43 billion.

Bagi Semenanjung Malaysia, eksport produk kayu-kayan adalah berjumlah RM10.85 bilion telah mencatatkan peningkatan sebanyak 6.4% berbanding RM10.20 bilion pada tahun 2009.

For Peninsular Malaysia, export of timber products amounted to RM10.85 billion, an increase of 6.4% as compared to RM10.20 billion in 2009.

Kutipan Hasil Hutan Kepada Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj/fi. Hasil ini telah menyumbang RM385.3 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2010.

Forest Revenue Collection To The State Government

Forest revenues are derived from royalty, premium, cess, forest offence compound, compensation and other charges/ fee. The forest revenue contributed RM385.3 million to the state coffers in 2010.

Pekerjaan Dalam Sektor Perhutanan

Dalam tahun 2010, sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia menyediakan sejumlah 70,342 peluang pekerjaan secara langsung dalam pelbagai industri seperti jadual di bawah. Namun demikian, maklumat bagi industri perabot adalah termasuk Sabah dan Sarawak. Ini mencatatkan penurunan keseluruhan sebanyak 2.0% berbanding 71,811 orang pada tahun 2009.

Employment In The Forestry Sector

In 2010, the forestry sector in Peninsular Malaysia provided direct employment to 70,342 persons in the various industries as stipulated below. However, the information on the furniture industry includes Sabah and Sarawak. This registered an overall decrease of 2.0% as compared to 71,811 persons in 2009.

Gunatena Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan, Semenanjung Malaysia, 2010
Total Direct Employment in the Forestry Sector, Peninsular Malaysia, 2010

Jenis Type	2010	2009	Perubahan Tahunan 2010/2009 (%) Annual Change 2010/2009 (%)
Pengusahasilan Hutan/ <i>Forest Harvesting</i>	5,458	5,370	+1.6
Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	18,417	20,067	-8.2
Papan Lapis/ Venir <i>Plywood/ Veneer</i>	4,295	4,300	-0.1
Kayu Kumai/ <i>Moulding</i>	3,635	4,577	-20.6
Perabot*/ <i>Furniture*</i>	33,150	32,065	+3.4
Penjawat Awam/ <i>Public Service</i>	5,387	5,432	-0.1
Jumlah Total	70,342	71,811	-2.0

* Perangkaan untuk Malaysia, seperti dikeluarkan dalam Statistik Pengeluaran Bulanan (Disember 2010) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

* *Figures for Malaysia as published in Monthly Manufacturing Statistics (December 2010) by Department of Statistics Malaysia*

Jumlah Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam industri kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2010 adalah RM2.55 billion. Ia mencatatkan peningkatan 2.8% daripada tahun 2009 (RM2.48 billion)

Total Investment

The total investment in the sawmill, plywood and moulding industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets amounted to RM2.55 billion in 2010. It recorded an increase of 2.8% from 2009 (RM2.48 billion)

IX. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Seramai 2,141 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang meliputi pelbagai bidang seperti kenegaraan, teknikal, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dan kaunseling/ psikologi di sepanjang tahun 2010. Ini melibatkan kehadiran staf di dalam 176 kursus dalam dan luar negara seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Selain daripada itu, seramai 75 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2009/2010 di Institut Latihan Perhutanan, Kepong (FORTRAIN) telah menamatkan latihan mereka. Manakala seramai 25 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2010/2012 dan 80 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2010/2011 masih menjalani latihan.

IX. HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

A total of 2,141 staff of FDPM had benefited from the various training activities comprising various fields such as nationhood, technical, human resource management, financial management, information technology and counseling/ psychology conducted throughout 2010. This involved the attendance in 176 courses by the staff both at local and international levels as shown in the table below.

In addition, a total of 75 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2009/2010 session have completed their training at the Forestry Training Institute, Kepong (FORTRAIN). Meanwhile, 25 trainees of the Forestry Ranger Certificate Course for the 2010/2012 session and 80 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2010/2011 session are still in training.

Program Latihan 2010
Training Programme 2010

Kategori Category	Dalam Negeri Local	Luar Negara International
Kursus/ Lawatan Belajar/ <i>Course/ Study Tour</i>	93	10
Bengkel/ Seminar/ <i>Workshop / Seminar</i>	29	11
Persidangan/ <i>Conference</i>	2	7
Taklimat/ <i>Briefing</i>	5	12
Ekspedisi/ <i>Expedition</i>	1	-
Simposium/ Forum/ Kongres/ <i>Symposium/ Forum/ Congress</i>	1	-
Dialog/ Kolokium/ Syarahan Am/ <i>Dialogue/ Colloquium/ Public Lecture</i>	2	3



Brachymenium nepalense

Lumut jati





02 ARTIKEL

Article



MERAIKAN PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN JPSM KE-71

Celebrating The 71st Anniversary of FDPM Annual Report Publication

Tahun 2010 merupakan ulang tahun ke-71 penerbitan Laporan Tahunan JPSM. Laporan ini telah mula diterbitkan pada tahun 1941 dengan tajuk *Annual Report on Forest Administration in Malaya, Including Brunei for the year 1940*. Sepanjang 71 tahun, penerbitan-penerbitan ini telah mengalami pelbagai perubahan dan penambahbaikan. Di antaranya adalah dari segi tajuk, format, reka bentuk, persembahan, saiz, maklumat, gambar dan warna. Perubahan dan penambahbaikan ini adalah untuk memperkemas dan meningkatkan lagi mutu laporan yang diterbitkan.

Perubahan tajuk laporan adalah akibat daripada perubahan dalam sistem pentabiran hutan pada ketika itu. Perubahan sistem yang dimaksudkan itu ialah Malaya termasuk Brunei (1940 – 1945), *Malayan Union* (1946 – 1948), Persekutuan Malaya (1949 -1963), Malaysia Barat (1964 - 1969) dan Semenanjung Malaysia (1970 – kini).

Laporan ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris sehingga tahun 1975 dan seterusnya dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Bermula era tahun 1990an, perubahan dan penambahbaikan laporan ini adalah dari segi isi kandungan yang melibatkan carta dan gambar berwarna, maklumat berkaitan program-program antarabangsa, peristiwa penting dan ringkasan laporan negeri-negeri, gambar direktorat, pengarah bahagian dan pengarah negeri, pencapaian jabatan, profil hutan, piagam pelanggan dan lagu jabatan. Selain daripada itu, maklumat mengenai senarai pembentang kertas kerja di persidangan/ seminar/ bengkel peringkat antarabangsa/ kebangsaan di dalam atau luar negara juga dimasukkan.

Kesimpulannya, penerbitan Laporan Tahunan JPSM ini telah diperbaiki mutu terbitannya dari semasa ke semasa supaya maklumat yang disampaikan adalah lebih tepat dan sesuai mengikut peredaran masa dan kehendak masyarakat.

The Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) celebrated the 71st anniversary of her annual report publication in 2010. The inaugural annual report entitled "Annual Report on Forest Administration in Malaya, Including Brunei for the year 1940" was first published in 1941. Over the 71 years, these annual reports published have been subjected to numerous changes and undergone many improvements. Amongst these included changes and improvements made in terms of format, title, design presentation, size of report, contents and in pictorial as well as colour depiction. These changes and improvements were made to enhance the quality of presentation of these annual reports.

The changes in titles of the reports were the results of the modifications in forest administrative systems occurred throughout the years. The modifications in the administrative system mentioned are relating to Malaya including Brunei (1940-1945), Malayan Union (1946-1948), Federation of Malaya (1949-1963), West Malaysia (1964-1969) and Peninsular Malaysia (1970 – present day).

The annual reports were published solely in English language until 1975 after which publications were made in dual languages, namely in Malay and English languages. From 1990's onwards, further changes and improvements were made in terms of contents that included charts and coloured photographs, information on international programmes, major events and summary reports for the respective states, photographs of Directorate Members, Division Directors and State Directors of Forestry, achievements made, forest profile, Client's Charter and song of FDPM. In addition, information regarding paper presenters at international/ national conferences/ seminars/ workshops held locally or abroad was also included.

In conclusion, the qualities of the FDPM's Annual Reports published have been enhanced periodically so as to ensure that the data and information presented are accurate and relevant in consonance with changes in time and the aspirations of the society.



Era sebelum kemerdekaan *Pre-Independence Era*




Era selepas kemerdekaan *Post-Independence Era*





62

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIAEra selepas kemerdekaan *Post-Independence Era*



▶▶▶
2010





ARTIKEL 1 / ARTICLE 1

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN MENANAM 26 JUTA POKOK

The Planting of 26 Million Trees Campaign

Sempena Hari Bumi Sedunia, satu Majlis Pelancaran Kempen Menanam 26 Juta Pokok yang bertemakan “Hijaukan Bumi: Satu Warga Satu Pokok” telah diadakan pada 22 April 2010 secara serentak di seluruh negara. Di peringkat persekutuan, majlis pelancaran tersebut telah diadakan seiring dengan sambutan Tahun Biodiversiti Antarabangsa 2010. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia bertempat di Presint 5, Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Perbadanan Putrajaya. Majlis ini dihadiri oleh hampir 1,000 orang daripada Jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGOs), pihak swasta, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah serta masyarakat di sekitar Putrajaya dan Cyberjaya. Antara tetamu kehormat yang turut hadir ialah YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.Bhg. Dato’ Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.Bhg. Dato’ Hj. Ahmad Phesal bin Hj. Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Y.Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Presiden Perbadanan Putrajaya dan Y.Bhg. Dato’ Razani Ujang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Majlis pelancaran penanaman tersebut telah dilaksanakan dikawasan tanah lapang seluas 4 hektar yang terletak berhadapan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan telah ditanam dengan pelbagai spesies tumbuhan hutan. Bagi peringkat negeri pula, pelancarannya turut dilaksanakan oleh semua YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri dengan kerjasama dari Jabatan Perhutanan Negeri masing-masing.

Sebagai tanda simbolik majlis pelancaran kempen ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menanam sebatang pokok Cengal (*Neobalanocarpus heimii*) semasa upacara penanaman pokok dan sejumlah 600 pokok terdiri daripada 27 spesies tumbuhan hutan seperti Kapur (*Dryobalanops aromatica*), Merbau (*Intsia palembanica*), Meranti melantai (*Shorea macroptera*), Sepetir licin (*Sindora coriacea*) dan Damar minyak (*Agathis borneensis*) telah ditanam pada majlis pelancaran tersebut. Selain daripada itu, pameran

The Planting of 26 Million Trees Campaign with the theme “Greening the Earth: One Citizen One Tree” was concurrently launched on 22 April 2010 in conjunction with the World Earth Day celebration. At the federal level, the launching ceremony was held jointly with the International Year of Biodiversity 2010 celebration at Presint 5, Putrajaya and officiated by by the Hon. Dato’ Sri Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment, Malaysia in cooperation with Ministry of Federal Territory and Urban Wellbeing and Putrajaya Holdings. The ceremony was attended by an estimated 1,000 guests from government departments and agencies, Non-Governmental Organisations (NGOs), private companies, institutions of higher learning and local communities within the vicinity of Putrajaya and Cyberjaya. Amongst the guests of honour that witnessed the ceremony were the Hon. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Deputy Minister of Natural Resources and Environment, Y.Bhg. Dato’ Zool Azha bin Yusof, Secretary-General, Ministry of Natural Resources and Environment, Y.Bhg. Dato’ Hj. Ahmad Phesal bin Hj. Talib, Secretary-General, Ministry of Federal Territory and Urban Wellbeing, Y.Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Chairman, Putrajaya Holdings and Y.Bhg. Dato’ Razani Ujang, Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia.

The launching ceremony was held at a 4 hectare open area located in front of the Putrajaya International Convention Centre (PICC) which was planted with various forest tree species. At the state-level, the concurrent launching was officiated by the respective Menteri Besar or Chief Ministers.

*As a symbolic gesture, the Hon. Minister of Natural Resources and Environment planted a Chengal (*Neobalanocarpus heimii*) seedling at the launching ceremony. A total of 600 seedlings from 27 species such as Kapur (*Dryobalanops aromatica*), Merbau (*Intsia palembanica*), Meranti melantai (*Shorea macroptera*), Sepetir licin (*Sindora coriacea*) and Damar minyak (*Agathis borneensis*) were planted during the launching ceremony. In addition, an exhibition booth on the environmental conservation and protection as well as on the significance of biological diversity was set up to better educate the general public on the importance of sound environmental*



yang menerapkan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta kepentingan biodiversiti turut diadakan bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan alam sekitar di samping pendedahan terhadap tanggungjawab untuk mengurus serta memulihara biodiversiti dengan sebaiknya.

Aktiviti penanaman pokok yang dilaksanakan di negeri-negeri akan dipantau dan direkod oleh Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan dan Pemantauan Kempen Menanam 26 Juta Pokok. Antara aktiviti penanaman yang dilaksanakan termasuk tanaman mengaya, tanaman kawasan terosot, tanaman lorong penarik, tanaman kawasan bekas matau dan tanaman kawasan bekas kongsi dalam hutan darat, hutan paya gambut dan hutan paya laut. Selain daripada itu, penglibatan pihak swasta dalam memenuhi *Corporate Social Responsibility* (CSR) turut diambil kira dalam menjayakan pelaksanaan kempen ini. Antara syarikat swasta yang terlibat adalah Standard Chartered dan Shaklee Products (M) Sdn Bhd..

Melalui kempen ini, sasaran kawasan seluas lebih kurang 38,470 hektar termasuk kawasan terosot, kawasan telah dibalok dan kawasan pesisiran pantai negara akan dapat ditanam menjelang 2014 dengan unjuran karbon dioksida yang dapat diserapkan sejumlah 200,000 tan. Kempen ini juga turut dapat memperluas dan merealisasikan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kawasan berhutan di seluruh negara. Dalam masa yang sama, kempen ini juga boleh disifatkan sebagai satu wadah untuk memupuk semangat mencintai alam semulajadi dan meningkatkan kesedaran serta penghargaan kepada alam sekitar bagi semua lapisan masyarakat di Malaysia.

management and biodiversity conservation and protection.

The tree planting activities implemented at the various states will be duly recorded and monitored by the Working Committee on the Implementation and Monitoring of the Planting of 26 Million Tree Campaign. Amongst the planting activities that will be undertaken in inland forests, peat swamp forests and mangrove forests included enrichment planting, planting of degraded areas, skid trail planting, planting of former log landings and former site of living quarters of forest workers. The private companies, in fulfilling their Corporate Social Responsibility (CSR) also undertook tree planting activities to complement this initiative. Amongst the companies that have complemented this Campaign are Standard Chartered and Shaklee Products (M) Sdn. Bhd..

Through this campaign, an approximate area of 38,470 hectares covering degraded inland areas, coastal regions and logged-over forests will be duly planted by 2014 and expected to sequest 200,000 tonnes of carbon dioxide annually. This campaign is in line and complementary to the Government's aspiration and initiative to increase forested area throughout the whole country. At the same time, this campaign can also be viewed as good instrument to further inculcate the love and appreciation for nature amongst the Malaysian people from all walks of life.



KEMPEN MENANAM
(2010-2014)

26 JUTA POKOK



Pelancaran Kempen Menanam 26 Juta Pokok “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” dan Sambutan “Tahun Biodiversiti Antarabangsa 2010” Oleh YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Launching of The Planting of 26 Million Tree Campaign “Greening the Earth: One Citizen, One Tree” and “2010 International Year of Biodiversity” by YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment.





Upacara Penanaman Pokok oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan para tetamu

Tree Planting Ceremony by the Minister of Natural Resources and Environment, Deputy Minister of Natural Resources and Environment, Secretary General Ministry of Natural Resources and Environment, Director-General of Forestry Department Peninsular Malaysia and guests



Lawatan YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ke Pameran Kempen Menanam 26 Juta Pokok
Visit by the YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment to The Planting of 26 Million Tree Campaign Exhibition



ARTIKEL 2 / ARTICLE 2

**PELAKSANAAN AMALAN 5S DI IBU PEJABAT
PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA***Implementation of The 5S Practice At Forestry
Department Headquarters Peninsular Malaysia***LATAR BELAKANG**

Ibu Pejabat Perhutanan telah mula mengorakkan langkah amalan 5S bermula pada bulan Mei 2009. Susulan daripada itu langkah-langkah seterusnya telah diambil secara proaktif yang melibat keseluruhan bahagian di ibu pejabat sehinggalah kepada Audit Pensijilan 5S yang telah dijalankan pada 3 Ogos 2010 oleh juruaudit 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan akhirnya Ibu Pejabat Perhutanan telah disyorkan untuk pensijilan. Sijil 5S telah dianugerahkan kepada Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 10 November 2010 bersempena dengan sambutan Hari Kualiti NRE di Putrajaya.

BACKGROUND

The Forestry Department Headquarters initiated the 5S practice in May 2009. Following to that, subsequent actions were proactively taken, involving all the divisions of the headquarters till the auditing for 5S certification on 3 August 2010 by the 5S Auditors from the Malaysian Productivity Corporation (MPC) and finally, the recommendation to award certificate to the Forestry Department Headquarters. The 5S certificate was awarded to the Forestry Department Headquarters Peninsular Malaysia on 10 November 2010 in conjunction with the NRE's Quality Day celebration at Putrajaya.





5S adalah program Penyertaan Kaizen keseluruhan Organisasi. 5S adalah singkatan dari perkataan Jepun, **Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke** bermaksud **Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal**.

Empat Objektif Utama Program 5S adalah membina Budaya Kaizen di tempat kerja, membina kerjasama melalui penyertaan semua, membina amalan kepimpinan pengurus dan penyelia dan meningkatkan infrastruktur untuk melaksanakan program kaizen yang lebih maju.

Pelaksanaan Amalan 5S Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah dilancarkan dengan rasminya oleh Y. Bhg. Dato' Razani bin Ujang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 1 Julai 2009. Sempena dengan pelancaran tersebut juga diadakan Majlis Gotong Royong 5S. Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah pakarunding 5S daripada (MPC), Puan Saliza binti Saari yang telah menyampaikan taklimat 5S. Gimik pelancaran ialah pelancaran logo 5S Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (lihat gambar) dengan moto: "*Amalan 5S Budaya Kita*" dan ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perhutanan, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Pembangunan) dan semua Pengarah-pengarah Bahagian/ Ketua Unit sebagai tanda komitmen masing kepada amalan 5S di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Amalan 5S dapat meningkatkan produktiviti di kalangan warga perhutanan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, sentiasa bersih, ceria, kemas dan selamat melalui pembudayaan amalan 5S.

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menerima lawatan Audit oleh juruaudit daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 3 Ogos 2010 untuk menilai pelaksanaan amalan 5S. Hasil daripada pengauditan ini Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah disyorkan untuk pensijilan.

Usaha ini secara umumnya memberi keutamaan kepada langkah-langkah penjimatan, keselamatan, etika kerja, penyampaian dan seumpamanya menerusi kempen-kempen dan aktiviti bulanan yang dijalankan di ibu pejabat. Pengiktifaran ini juga telah mengubah budaya, nilai dan etika kerja kakitangan ibu pejabat kepada gaya yang lebih sihat, selamat dan produktif.

*5S is the Kaizen Participation program for the whole Organization. 5S is the Japanese abbreviation for **Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu and Shitsuke** which mean **Sort, Set in Order (Straighten), Shine (Scrub), Standardise and Sustain**.*

The four main objectives of the 5S Program are building Kaizen culture at work place, building cooperation through everyone participation, building managerial and supervisory practice, and enhancing infrastructure to implement a successful kaizen program.

*The 5S Practice at the Forestry Department Headquarters Peninsular Malaysia was officially launched on 1 July 2009 by Y.Bhg Dato' Razani bin Ujang, Director General of Forestry Peninsular Malaysia. In conjunction with the launching, a 5S Gotong Royong Gathering was also conducted. Puan Saliza binti Saari, a 5S expert from MPC gave a briefing on 5S. The gimmick of the launching is the launching of the Forestry Department Peninsular Malaysia 5S logo (see picture) with the motto: "*5S Practice is Our Culture*" and which was then signed by the Director General of Forestry, Deputy Director General of Forestry (Policy and Development) and all Directors/ Unit Heads as a symbol of their individual commitment towards 5S practice at Forestry Department Headquarters Peninsular Malaysia.*

The 5S practice would enhance productivity among forestry staff which creates a conducive working environment, always clean, pure, neat and safe through the practice of 5S culture.

On 3rd August 2010, the Forestry Department Headquarters Peninsular Malaysia was audited by Auditors from the Malaysia Productivity Corporation (MPC) who evaluated the implementation of the 5S practice. The result of the audit is that the Forestry Department Headquarters Peninsular Malaysia being recommended to be awarded with the certificate.

This effort in general gives priority to the actions of saving, safety, work ethics, delivery and others through campaigns and monthly activity that was conducted at headquarters. The recognition has also changed the culture, values and work ethics of the headquarters' staffs towards a more healthy, safe and productive style.



ARTIKEL 3 / ARTICLE 3

**PRESTASI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA
KE-SEMBILAN (2006-2010)***The Performance of Development Projects of
Forestry Department Peninsular Malaysia under
The Ninth Malaysia Plan (2006-2010)*

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah melaksanakan sebanyak 11 program pembangunan dengan 43 projek yang melibatkan 90 sub-projek di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dengan peruntukan berjumlah RM94,943,656.00.

Sebanyak 11 program yang dilaksanakan ialah Pengurusan Hutan Secara Berkekalan; Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai Di Pesisiran Pantai; Rancangan Penanaman Rotan; Projek Penanaman Buluh; Pembangunan Sumber Tenaga Manusia; Pembangunan Ladang Hutan; Pembangunan Hutan Simpanan Kekal Wilayah Persekutuan; Pengembangan Maklumat Perhutanan; IT dan K-Perhutanan; Pengamatan Sumber Hutan; Infrastruktur, Pembinaan, Menaiktaraf dan Lain-lain Kemudahan; dan Pembangunan Muzium Perhutanan.

Program-program yang dilaksanakan memberi penekanan kepada Teras Ke Empat Misi Nasional iaitu Untuk Meningkatkan Tahap Dan Kemampuan Kualiti Hidup. Lima Bidang Utama yang digariskan dibawah teras ini ialah Pengurusan Sumber Hutan Secara Mapan; Sumber Air; Kepelbagaian Biologi; Tumbuhan Herba; dan Eco-Forest Park.

Senarai projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 1 Pelaksanaan Kriteria, Petunjuk dan Aktiviti Pengurusan Hutan;
Implementation of Criteria, Indicators and Activities of Forest Management;
- 2 *Multi-Storied Forest Management in Malaysia Fasa II;*
Multi-Storied Forest Management in Malaysia Phase II;
- 3 Kajian Operasi Rawatan Silvikultur Fasa III;
Operational Studies on Silvicultural Treatments Phase III;
- 4 Projek Kajian Operasi Tumbesaran dan Pengeluaran Fasa III;
Operational Studies on Growth and Yield Phase III;
- 5 Kajian Pembinaan Jalan Hutan Dalam Kaedah 'RIL';
Study on Forest Road Construction in RIL Methodology;

The Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) have implemented a total of 11 development programmes with 43 projects and 90 sub-projects involving an allocation amounting to RM94,943,656.00 in the Ninth Malaysia Plan (9th Plan).

The 11 development programmes implemented are Sustainable Forest Management; Planting of Mangrove and Other Sustainable Tree Species In Coastal Regions; Rattan Planting Plan; Bamboo Planting Project; Human Resource Development; Forest Plantation Development, Development of Permanent Reserved Forests in Federal Territory; Forestry Information Extension, IT and K-Forestry; Forest Resource Monitoring; Construction and Upgrading of Infrastructure and Other Facilities; and Forestry Museum Development.

The programmes implemented accorded emphasis to the Fourth Key Thrust of the National Mission, namely "To Improve the Standard and Sustainability of Quality of Life". Five important scopes have been identified under this key thrust covering Sustainable Development of Forest Resources; Water Resource, Biological Diversity, Herbal Plants; and Eco-Forest Park.

The list of projects implemented are as follows:



6	Pemulihan Hutan; <i>Forest Rehabilitation;</i>
7	Penaksiran Nilai-Nilai Keluaran Barangan Dan Perkhidmatan Sumber Hutan di Semenanjung Malaysia; <i>Assessment of Values of Forest Products and Services in Peninsular Malaysia;</i>
8	Projek Biji Benih dan Baik Biak Pokok; <i>Seedling and Tree Breeding Project;</i>
9	Perhutanan Tani; <i>Agro-Forestry;</i>
10	Pemeliharaan Pelbagai Hayat; <i>Conservation of Biological Diversity;</i>
11	Forest Management Plan for the Pahang Peat Swamp Forest Reserve; <i>Forest Management Plan for the Pahang Peat Swamp Forest Reserve;</i>
12	Stesyen Pengurusan Hutan; <i>Forest Management Station;</i>
13	Penilaian Operasi Rawatan Dirian Tinggal untuk Tebangan Pusingan Kedua; <i>Assessment of Treatment Operations of Residual Stands for Second Cut;</i>
14	Penghutan dan Pemeliharaan Hutan; <i>Reforestation and Forest Conservation;</i>
15	Pembangunan Panduan Pengurusan Hutan Jenis Kapur, Seraya and Meranti Bukit; <i>Formulation of Guidelines for the Management of Kapur, Seraya and Meranti Bukit Forests;</i>
16	Pencegahan dan Kawalan Perhutanan; <i>Forestry Prevention and Control;</i>
17	Penilaian Ekonomi Biodiversiti di Semenanjung Malaysia; <i>Economic Assessment of Biological Diversity in Peninsular Malaysia;</i>
18	Hutan Lipur Fasa II; <i>Recreational Forest Phase II;</i>
19	Pengurusan dan Pembangunan Taman-Taman Negeri; <i>Management and Development of Forest State Parks;</i>
20	Penubuhan dan Pembangunan Kawasan Tadahan Air Dalam Hutan Simpanan Kekal; <i>Establishment and Development of Water Catchment Forests in Permanent Reserved Forests;</i>
21	Penubuhan dan Pembangunan Tumbuhan Ubat-Ubat dan Herba Hutan; <i>Establishment and Development of Medicinal Plants and Forest Herbs;</i>
22	Penyelenggaraan Jalan Hutan; <i>Forest Road Maintenance;</i>
23	Projek Perintis Central Forest Spine; <i>Pilot Project on Central Forest Spine;</i>
24	Projek Perintis Pengurusan Hutan Berasaskan Radio Frequency Identification; <i>Pilot Project on Forest Management Using Radio Frequency Identification;</i>
25	Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai Di Pesisiran Pantai; <i>Planting of Mangrove and Other Suitable Tree Species in Coastal Region;</i>
26	Rancangan Penanaman Rotan; <i>Rattan Planting Plan;</i>
27	Projek Penanaman Buluh; <i>Project on Bamboo Planting;</i>
28	Baikpulih Bangunan Unit Latihan Perhutanan; <i>Renovation of Forestry Training Unit Complex;</i>
29	Pusat Latihan Pengusahaan Hutan Fasa II; <i>Forest Harvesting Training Centre Phase II;</i>



30	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Sektor Perhutanan; <i>Management of Worker's Occupational Safety and Health in the Forestry Sector;</i>
31	Pembangunan Ladang Hutan Komersial; <i>Development of Commercial Forest Plantation;</i>
32	Penyelenggaraan dan Pemantauan Ladang Kayu Getah Fasa II; <i>Maintenance and Monitoring of Rubber Timber Plantation Phase II;</i>
33	Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Hutan Kebangsaan dan Jaringan Negeri-Negeri; <i>National and State Networking for Seedlings and Planting Materials Acquisition;</i>
34	Pemantauan Tumbesaran dan Pengeluaran Petak Contoh Kekal Ladang Hutan; <i>Monitoring of Forest Plantation Growth and Yield Permanent Sample Plots;</i>
35	Pembangunan Hutan Simpanan Kekal di Wilayah Persekutuan; <i>Development of Permanent Reserved Forests in Federal Territory;</i>
36	Pengembangan Maklumat Perhutanan; <i>Forestry Information Extension;</i>
37	IT and K-Perhutanan Fasa I; <i>IT and K-Forestry Phase I;</i>
38	IT and K- Perhutanan Fasa II; <i>IT and K- Forestry Phase II;</i>
39	Pengamatan Sumber Hutan Secara Berkekalan; <i>Continuous Forest Resource Monitoring;</i>
40	Pemantauan Sumber Hutan Secara Berkekalan; <i>Continuous Forest Resource Assessment;</i>
41	Pembinaan Rumah Kediaman Kakitangan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia; <i>Construction of Staff Quarters for Forestry Department Headquarters Peninsular Malaysia;</i>
42	Menaiktaraf Prasaranan/ Kemudahan di Ibu Pejabat Perhutanan; dan <i>Upgrading of Infrastructure/ Facilities of Forestry Department Headquarters; and</i>
43	Pembangunan Muzium Perhutanan <i>Forestry Museum Development</i>

Bagi menjayakan pelaksanaan projek-projek pembangunan ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM94.94 juta dengan jumlah pencapaian keseluruhan adalah sebanyak RM91.97 juta (96.87%). Pencapaian mengikut tahunan adalah seperti di Jadual 1:

To ensure the success in implementation of these projects, the Federal Government has approved an allocation amounting to RM94.94 million of which a total of RM91.97 (96.87%) million have been duly spent. The achievements by year is as shown in Table 1:

Jadual 1: Pencapaian Kewangan Projek Pembangunan Ibu Pejabat Perhutanan dibawah RMKe-9
Table 1: Fiscal Achievements Of Development Projects Of Forestry Department Headquarters Under The 9th Malaysia Plan

TAHUN Year	PERUNTUKAN (RM) Allocation (RM)	PERBELANJAAN (RM) Expenditure (RM)	PENCAPAIAN (%) Achievement (%)
2006	10,963,660.00	10,661,660.44	97.25
2007	19,168,000.00	18,323,639.15	95.59
2008	20,280,010.00	19,845,714.05	97.86
2009	21,949,930.00	20,779,142.56	94.66
2010	22,582,056.00	22,360,318.22	99.02
Jumlah / Total	94,943,656.00	91,970,474.42	96.87



Bagi menilai keberhasilan dan keberkesanan projek-projek yang telah dilaksanakan, satu Laporan Penilaian Outcome telah disediakan bagi setiap projek dan dikemukakan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan pemantauan.

Selain daripada itu, Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri juga menerima peruntukan berjumlah RM221.65 juta bagi melaksanakan 11 program utama dalam RMKe-9 iaitu Pengurusan Sumber Hutan; Penilaian Sumber Hutan; Pembangunan Sumber Asli; Pembangunan Ladang Hutan; Sumber Bukan Kayu; Hutan Tani; Pemeliharaan dan Perlindungan; Eko-perlancongan dan Hutan Lipur; IT dan K-Perhutanan; Pembangunan Sumber Manusia; dan Infrastruktur dan Kemudahan. Sebanyak RM208.36 juta (93.85%) daripada peruntukan yang diluluskan telah berjaya dibelanjakan. Perincian pencapaian kewangan projek pembangunan negeri adalah seperti di Jadual 2:

In order to facilitate the assessment on the success and effectiveness of project implementation, an Outcome Assessment Report was prepared for each of the projects implemented. These reports have been duly submitted to the Ministry of Natural Resources and Environment and the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.

In addition, State Forestry Departments also received allocation totalling RM221.65 million to undertake the implementation of 11 main programmes under the 9th Malaysia Plan. These are Forest Resource Management; Forestry Resource Evaluation; Natural Resource Development; Forest Plantation Development; Non-Wood Resources; Agro-Forestry; Protection and Conservation; Ecotourism and Forest Recreation; IT and K-Forestry; Human Resource Development; and Infrastructure and Facilities. Out of the total budget allocated, a total of RM208.36 million (93.85%) have been duly spent. The details on this fiscal achievement of state development projects are as shown in Table 2:

Jadual 2: Pencapaian Kewangan Projek Pembangunan Di Peringkat Negeri dibawah RMKe-9
Table 2: Fiscal Achievement Of Development Projects Implemented At The State Level Under The 9th Malaysia Plan

TAHUN Year	PERUNTUKAN (RM) Allocation (RM)	PERBELANJAAN (RM) Expenditure (RM)	PENCAPAIAN (%) Achievement (%)
2006	42,244,020.00	40,228,185.66	95.23
2007	55,834,030.00	51,640,780.09	92.48
2008	44,859,050.00	41,276,246.35	91.34
2009	41,967,300.00	40,029,687.38	95.38
2010	37,105,600.00	35,185,903.76	94.83
Jumlah / Total	222,010,000.00	208,360,803.24	93.85





ARTIKEL 4 / ARTICLE 4

SAMBUTAN HARI PERHUTANAN SEDUNIA KE-39 PERINGKAT KEBANGSAAN

The 39th National Level World Forestry Day Celebration

Sambutan Hari Perhutanan Sedunia ke-39 peringkat kebangsaan telah berlangsung pada 21 Mac 2010 bertempat di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur. Upacara perasmian disempurnakan oleh YB Tan Sri Datuk Sri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Majlis pada kali ini turut dihadiri oleh Y.Bhg. Dato' Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Muhammad Radzi bin Haji Mansor, Pengerusi Menara Kuala Lumpur, Y.Bhg. Datuk Azyiah binti Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha I, Y.Bhg. Dato' Haji Azmi bin Che Mat, Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.Bhg. Dato' Razani Ujang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, dan Y.Bhg. Dato' Zulkifli Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Menara Kuala Lumpur. Turut hadir bersama adalah wakil daripada jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, NGO, pihak swasta, artis-artis jemputan serta pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi.

Kejayaan penganjuran majlis ini telah menunjukkan komitmen kerajaan yang tinggi dalam memupuk semangat mencintai, melindungi dan memelihara kekayaan khazanah hutan Negara selaras dengan tema sambutan pada kali ini iaitu "**Sayangi Hutan**". Beberapa aktiviti telah diatur termasuklah demonstrasi teknik perolehan biji benih spesies pokok hutan, aktiviti *flying fox* dan terjunan ahli-ahli *base jumpers* dari Menara Kuala Lumpur, persembahan kumpulan koir Malar Hijau JPSM, kumpulan band D'Forest dan *Tree Theatre Group*. Para jemputan turut berikrar dan menandatangani akuan dalam menyalurkan komitmen untuk "Menyelamatkan, Melindungi dan Mengekalkan Hutan".

Kemuncak sambutan pada kali ini merupakan upacara menanam 300 pokok nadir di Taman Eko Rimba KL yang terdiri daripada spesies-spesies terpilih yang merupakan nama bagi beberapa tempat di Malaysia seperti Beruas (*Burkeara cylindrica*), Kundang (*Bouea maerophylla* griff), Rambai (*Baccaurea motleyana* muell), Keranji (*Dialium indum*), Sentul (*Sandoricum koetjape*), dan Asam Gelugor (*Garcinia atrovirens*). Pemilihan spesies pokok ini turut bertujuan untuk meningkatkan kepelbagaian biodiversiti dan sumber makanan kepada fauna yang mendiami ekosistem hutan ini.

The 39th National Level World Forestry Day celebration was held on 21 March 2010 at the Kuala Lumpur Forest Eco-Park. The celebration was graced and officially launched by the Hon. Tan Sri Datuk Sri Panglima Joseph Kurup, Deputy Minister of Natural Resources and Environment, Malaysia. Amongst the dignitaries in presence to grace the auspicious occasion were Y.Bhg. Dato' Zool Azha bin Yusof, Secretary-General, Ministry of Natural Resources and Environment, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Muhammad Radzi bin Haji Mansor, Chairman of the Kuala Lumpur Tower, Y.Bhg. Datuk Azyiah binti Mohamed, the Deputy Secretary General I and Y.Bhg. Dato' Haji Azmi bin Che Mat, the Deputy Secretary General II of the Ministry of Natural Resources and Environment, Y.Bhg. Dato' Razani Ujang, Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia and Y.Bhg. Dato' Zulkifli Mohamad, Chief Executive Officer of Kuala Lumpur Tower. The celebration was also attended by representatives from government departments and agencies, Non-Governmental Organisations, private companies, guest artists and students from local institutions of higher learning.

*The success in organising this function has clearly demonstrated the high government commitments to better inculcate amongst her people the love for conservation and protection of the country's rich forest heritage in consonance with the theme of the celebration, namely "**Treasure the Forests**". Several activities has been organised which included forest tree seed collection techniques, flying fox, base jumping from Kuala Lumpur Tower, and musical performances by the Malar Hijau Choir Group and D-Forest Band of the Forestry Department, Peninsular Malaysia, as well as sketch performance by the Tree Theatre Group. In addition, every one who attended the celebration were invited to formalise through recitation and penning down their signatures on a pledge of commitment to "Safeguard, Protect And Preserve The Forests".*

*The peak of the celebration was planting of 300 forest fruit tree seedlings in the Kuala Lumpur Forest Eco-Park. These forest fruit tree species were specially selected as they denoted the names of places within the country such as Beruas (*Burkeara cylindrica*), Kundang (*Bouea maerophylla* griff), Rambai (*Baccaurea motleyana*), Keranji (*Dialium indum*), Sentul (*Sandoricum koetjape*) and Asam Gelugor (*Garcinia atrovirens*). The selection of these forest species was also aimed at enhancing the biological diversity and fruit resources of the forest ecosystem.*






Aeschynanthus lobbiana

Bunga lipstick





03

PROFIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

*State Forestry
Department's Profile*



78

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA

Negeri/ State : JOHOR
Ibu Negeri/ State Capital : JOHOR BAHRU
Alamat/ Address : Jabatan Perhutanan Negeri Johor,
Aras 2, Sayap Timur,
Bangunan C25, Kota Iskandar,
79660, Nusajaya
No. Tel./ Tel. No. : 07-266 7433
No. Faks/ Faxes No. : 07-266 1288
Pengarah/ Director : Yahaya bin Mohamood
E-Mel & Website : yahaya@forestry.gov.my
www.johorforestry.gov.my



Bil. / No	Tajuk / Title	Jumlah / Total
1.	Penduduk (juta) (2001)*/ Population (million)	3.24
2.	Keluasan Tanah/ Land Area (ha)	1,901,600
3.	Tanah Berhutan/ Forested Land (ha)	467,262
4.	Tanah Tidak Berhutan/ Non-forested Land (ha)	1,434,338
5.	Sumber Hutan/ Forested Resources	
a.	Hutan Simpanan Kekal/ Permanent Reserved Forest (ha)	432,678
b.	Ladang Hutan/ Forest Plantations** (ha)	43,859
c.	Tanah Kerajaan/ Stateland (ha)	29,375
d.	Taman Hidupan Liar/ Wildlife Reserve (ha)	325
e.	Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)/ Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*** (ha)	2,250
f.	Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahaan/ Area opened for logging + (ha)	1,460
g.	Pengeluaran/ Production (m ³)	
	• Kayu Balak/ Logs	72,777
	• Hasil Hutan Lain/ Other Forest Products (RM)	899,306
6.	Industri Hutan/ Forest Industry	
a.	Bilangan/ Number	
	• Kilang Papan/ Sawmills	75
	• Kilang Papan Lapis/ Venir/ Plywood/ Veneer Mills	10
	• Kilang Kayu Kumai/ Moulding Mills	14
b.	Penggunaan Kayu Balak/ Consumption of Logs (m ³)	
	• Kilang Papan/ Sawmills	633,805
	• Kilang Papan Lapis/ Venir/ Plywood/ Veneer Mills	-
c.	Pengeluaran/ Production (m ³)	
	• Kayu Gergaji/ Sawn Timber	422,361
	• Papan Lapis/ Plywood	-
	• Kayu Kumai/ Mouldings	1,424
d.	Bilangan Pekerja/ Number of Workers	2,809

Nota/ Note

- * - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/ Source: Department of Statistics, Malaysia
** - Termasuk Ladang- ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah/ Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara/ As stipulated by the National Forestry Council
+ - Kawasan Hutan Simpanan Kekal untuk Pengusahaan dibawah CTT/ Permanent Reserved Forest Area for Logging under AAC



Negeri/ State : KEDAH
 Ibu Negeri/ State Capital : ALOR SETAR
 Alamat/ Address : Jabatan Perhutanan Negeri Kedah,
 Tingkat 8, Bangunan Sultan Abd. Halim,
 Jalan Sultan Badlishah,
 05000, Alor Setar
 No. Tel./ Tel. No. : 04-733 3844/ 04-733 3901
 No. Faks/ Faxes No. : 04-731 0610
 Pengarah/ Director : Mohd. Nasir bin Abu Hassan
 E-Mel & Website : hjnasir@forestry.gov.my
 www.kedforestry.gov.my



Bil./ No	Tajuk/ Title	Jumlah/ Total
1.	Penduduk (juta) (2001)*/ <i>Population (million)</i>	1.92
2.	Keluasan Tanah/ <i>Land Area (ha)</i>	942,500
3.	Tanah Berhutan/ <i>Forested Land (ha)</i>	344,871
4.	Tanah Tidak Berhutan/ <i>Non-forested Land (ha)</i>	597,629
5.	Sumber Hutan/ <i>Forested Resources</i>	
a.	Hutan Simpanan Kekal/ <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	342,613
b.	Ladang Hutan/ <i>Forest Plantations** (ha)</i>	3,100
c.	Tanah Kerajaan/ <i>Stateland (ha)</i>	2,258
d.	Taman Hidupan Liar/ <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	-
e.	Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)/ <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*** (ha)</i>	2,340
f.	Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahaan/ <i>Area opened for logging + (ha)</i>	2,118
g.	Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
	• Kayu Balak/ <i>Logs</i>	202,477
	• Hasil Hutan Lain/ <i>Other Forest Products (RM)</i>	-
6.	Industri Hutan/ <i>Forest Industry</i>	
a.	Bilangan/ <i>Number</i>	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmills</i>	33
	• Kilang Papan Lapis/ Venir/ <i>Plywood/ Veneer Mills</i>	3
	• Kilang Kayu Kumai/ <i>Moulding Mills</i>	12
b.	Penggunaan Kayu Balak/ <i>Consumption of Logs (m³)</i>	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmills</i>	109,528
	• Kilang Papan Lapis/ Venir/ <i>Plywood/ Veneer Mills</i>	152,115
c.	Pengeluaran / <i>Production (m³)</i>	
	• Kayu Gergaji/ <i>Sawn Timber</i>	72,791
	• Papan Lapis/ <i>Plywood</i>	144,728
	• Kayu Kumai/ <i>Mouldings</i>	13,307
d.	Bilangan Pekerja/ <i>Number of Workers</i>	2,473

Nota/ Note

- * - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/ Source: Department of Statistics, Malaysia
 ** - Termasuk Ladang- ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah/ Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
 *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara/ As stipulated by the National Forestry Council
 + - Kawasan Hutan Simpanan Kekal untuk Pengusahaan dibawah CTT/ Permanent Reserved Forest Area for Logging under AAC




80

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA



Negeri/ *State* : KELANTAN
Ibu Negeri/ *State Capital* : KOTA BHARU
Alamat/ *Address* : Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan,
Blok 5, Tingkat 1,
Kota Darul Naim,
15503 Kota Bharu Kelantan
No. Tel./ *Tel. No.* : 09-748 2140 / 09-748 1957
No. Faks/ *Faxs No.* : 09-744 5675
Pengarah/ *Director* : Dato' Abdullah Sani bin Shaffie
E-Mel & Website : abdsani@forestry.gov.my
www.forestry.gov.kelantan



Bil./ No	Tajuk/ Title	Jumlah/ Total
1.	Penduduk (juta) (2001)*/ <i>Population (million)</i>	1.56
2.	Keluasan Tanah/ <i>Land Area (ha)</i>	1,510,500
3.	Tanah Berhutan/ <i>Forested Land (ha)</i>	862,196
4.	Tanah Tidak Berhutan/ <i>Non-forested Land (ha)</i>	648,304
5.	Sumber Hutan/ <i>Forested Resources</i>	
a.	Hutan Simpanan Kekal/ <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	623,849
b.	Ladang Hutan/ <i>Forest Plantations** (ha)</i>	13,890
c.	Tanah Kerajaan/ <i>Stateland (ha)</i>	135,265
d.	Taman Hidupan Liar/ <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	103,082
e.	Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)/ <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)***(ha)</i>	6,590
f.	Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahaan/ <i>Area opened for logging + (ha)</i>	6,594
g.	Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
	• Kayu Balak/ <i>Logs</i>	1,269,968
	• Hasil Hutan Lain/ <i>Other Forest Products (RM)</i>	-
6.	Industri Hutan/ <i>Forest Industry</i>	
a.	Bilangan/ <i>Number</i>	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmills</i>	64
	• Kilang Papan Lapis/ Venir/ <i>Plywood/ Veneer Mills</i>	6
	• Kilang Kayu Kumai/ <i>Moulding Mills</i>	7
b.	Penggunaan Kayu Balak/ <i>Consumption of Logs (m³)</i>	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmills</i>	816,557
